

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 46

Perniagaan KK Brothers mempunyai baki-baki berikut pada 31 Disember 2016:

	RM
Bangunan	100,000
Kenderaan	82,000
Susut nilai terkumpul kenderaan	38,200
Alatan pejabat	18,000
Susut nilai terkumpul alatan pejabat	8,440
Inventori	12,680
Akaun belum terima	8,200
Peruntukan hutang ragu	188
Bank	3,980
Tunai	590
Deposit sewa dan utiliti	3,000
Akaun belum bayar	5,640
Pinjaman	20,000
Modal	132,438
Untung bersih	17,544

Penyimpan kira perniagaan ini tidak membuat pelarasan akhir tahun semasa menyediakan akaun penamatnya. Berikut adalah pelarasan-pelarasan yang perlu di ambil kira:

- Premium Insurans kenderaan sebanyak RM420 telah dibilkan oleh Syarikat Insurans Emir pada 1 November 2016. Bil ini adalah berkaitan dengan polisi insurans tahunan bagi tempoh satu tahun yang berakhir pada 31 Oktober 2017. Bil ini akan dijelaskan pada 5 Januari 2017.
- Sebahagian daripada bangunan telah disewakan kepada Syarikat Lee Dai Sdn Bhd pada 1 September 2016. Wang deposit untuk dua bulan sewa RM2,000 dan utiliti RM1,000 telah diterima. Tetapi, sewa bulanan sehingga bulan Disember 2016 belum lagi diterima.
- Pinjaman telah dibuat pada 1 April 2016 dengan kadar faedah sebanyak 8% setahun. Pembayaran faedah yang dibuat dalam tahun berkenaan ialah:

Tarikh pembayaran	RM
20 Julai 2016	RM400
30 November 2016	RM400

- Ambilan barang niaga sebanyak RM280 untuk tujuan promosi tidak direkodkan di mana-mana buku.
- Susut nilai kenderaan diperuntukan pada kadar 20% setahun atas nilai bersih aset. Manakala, susut nilai alatan pejabat diperuntukkan pada kadar 25% setahun atas kos. Sebuah komputer lama yang kosnya RM2,400 telah dijual pada harga RM500 pada 31 Disember 2016. Nilai bersih komputer ini pada 31 Disember 2015 ialah RM600. Perkara ini belum lagi diambil kira.
- Peruntukkan hutang ragu perlu diselaraskan kepada 3% atas baki akhir akaun belum terima.

- (vii) Harga pasaran satu item inventori telah jatuh 10% kurang daripada harga kosnya, iaitu RM360.
- (viii) Pemilik telah membawa masuk barang niaga berkos RM400 ke dalam inventori perniagaan pada 1 Mei 2016. Perkara ini tidak dicatat langsung dalam buku perakaunan.

Dikehendaki:

- (a) Melengkapkan jadual yang diberikan di bawah dengan merekodkan semua pelarasan di atas.

Akaun-akaun	Pelarasan									
	Baki awal	(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(v)	(vi)	(vii)	(viii)	Baki akhir
ASET	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan										
Kenderaan										
Susutnilai terkumpul Kenderaan										
Alatan pejabat										
Susutnilai terkumpul Alatan pejabat										
Inventori										
Akaun belum terima										
Peruntukan hutang ragu										
Bank										
Tunai										
Jumlah Aset										
LIABILITI										
Akaun belum bayar										
Deposit sewa dan utiliti										
Pinjaman										
Jumlah liabiliti										
EKUITI PEMILIK										
Modal										
Untung bersih										
Jumlah ekuiti pemilik										

- (b) Sediakan semula penyata kedudukan kewangan perniagaan ini pada 31 Disember 2016 setelah pelarasan di atas diambil kira.